



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)  
[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



## POLA PandANGAN PENGUNDI MELAYU PASCA PRU-14 DI NEGERI SEMBILAN

### *POST-GE-14 MALAY VOTER ATTITUDE PATTERN IN NEGERI SEMBILAN*

Mokhtar Ahmad<sup>1</sup>, Junaidi Awang Besar<sup>2\*</sup>

- <sup>1</sup> Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor  
Email: mokhtarahmad.mba@gmail.com
- <sup>2</sup> Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor  
Email: jab@ukm.edu.my
- \* Corresponding Author

#### Article Info:

##### Article history:

Received date: 28.03.2024

Revised date: 04.04.2024

Accepted date: 21.05.2024

Published date: 10.06.2024

##### To cite this document:

Ahmad, M., & Awang Besar, J. (2024). Pola Pandangan Pengundi Melayu Pasca Pru-14 Di Negeri Sembilan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9 (36), 37-52.

DOI: 10.35631/IJLGC.936003

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



#### Abstrak:

Artikel ini menganalisis pola pengundian di Dewan-Dewan Undangan Negeri (DUN) yang diwakili majoriti etnik Melayu khususnya dalam Negeri Sembilan selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14). Dengan menganalisis data pengundian dan hasil pilihan raya, kajian ini bertujuan untuk memahami pola pandangan, kecenderungan politik dan faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan pengundi dalam kawasan tersebut. Negeri Sembilan unik kerana mengamalkan adat perpatih dan mempunyai hubungan yang kukuh dengan alam Minangkabau. Perlantikan pemerintahnya berbeza dengan negeri lain di Malaysia, di mana Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan ditentukan oleh ketua luak, yang digelar Undang. Negeri Sembilan awalnya terdiri daripada sembilan kawasan yang berasingan, yang kemudian membentuk sebuah konfederasi wilayah adat. Orang Minangkabau dari Sumatera memainkan peranan penting dalam membentuk struktur sosial, politik, ekonomi dan agama Negeri Sembilan. Pemahaman terhadap pola pandangan pengundi ini diharapkan dapat memberi wawasan kepada perkembangan politik setempat pasca-PRU-14, memberikan pandangan terperinci tentang sokongan pengundi Melayu di Negeri Sembilan serta merungkai dinamika politik di peringkat negeri ini. Dengan pemahaman yang lebih mendalam terhadap kecenderungan pengundian, diharapkan dapat membantu pemimpin politik dan penyelidik untuk membuat analisis yang lebih tepat dan strategi politik yang lebih berkesan untuk memenuhi keperluan dan aspirasi masyarakat Melayu di Negeri Sembilan.

**Kata Kunci:**

Antara Budaya, Skenografi, Set Design, Motif, Adat

**Abstract:**

This article analyzes the voting patterns in the State Legislative Assemblies (Dewan-Dewan Undangan Negeri or DUN) predominantly represented by the Malay ethnic majority, particularly in Negeri Sembilan following the 14th General Election (GE-14). By examining voting data and election results, this study aims to understand voter attitude, political inclinations, and factors influencing voter decisions in these areas. Negeri Sembilan is unique for its practice of adat perpatih and its strong ties to Minangkabau culture. Its governance structure differs from other states in Malaysia, where the appointment of the Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan is determined by the head of each territory, known as Undang. Originally, Negeri Sembilan comprised nine separate districts, which later formed a confederation of customary territories. The Minangkabau people from Sumatra played a significant role in shaping the state's social, political, economic, and religious structures. Understanding these voter attitude is expected to provide insights into local political developments post-PRU-14, offering detailed perspectives on Malay voter support in Negeri Sembilan and unraveling the political dynamics at the state level. With a deeper understanding of voting trends, it is hoped that political leaders and researchers can make more accurate analyses and devise more effective political strategies to meet the needs and aspirations of the Malay community in Negeri Sembilan.

**Keywords:**

Intercultural, Scenography, Set Design, Motifs, Customs

**Pengenalan**

Artikel ini mengkaji perubahan dramatik dalam senario politik pilihan raya di Negeri Sembilan selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14). Sebelumnya dikenali sebagai '*fixed deposit*' untuk UMNO-BN, Negeri Sembilan mengalami perubahan signifikan dengan kemenangan Pakatan Harapan (PH) yang terdiri daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR), *Democratic Action Party* (DAP), Parti Amanah Negara (AMANAH) dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) di seluruh kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) terutama di kawasan bandar. Walaupun kawasan luar bandar masih menyokong UMNO-BN, terdapat penurunan yang ketara dalam sokongan undi tersebut. Analisis menunjukkan kecenderungan UMNO yang semakin 'kedaerahan' mencerminkan fenomena politik unik di Negeri Sembilan. Kajian ini bertujuan untuk menyelidik pola pengundian di DUN-DUN majoriti Melayu di negeri ini setelah kejatuhan UMNO-BN iaitu pasca PRU-14. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pola kecenderungan politik Melayu luar bandar di Negeri Sembilan khususnya mengkaji faktor yang mempengaruhi pola tingkah laku pengundi. Hasil kajian ini dapat menjadi rujukan untuk memahami lanskap politik Negeri Sembilan dan memberi sumbangan kepada strategi politik di peringkat negeri dan kebangsaan.

**Tinjauan Literatur**

Bagi tinjauan literatur politik pilihan raya di Negeri Sembilan, Zakry (1986) menghujahkan bahawa kemenangan BN pada peringkat persekutuan dan juga Negeri Sembilan dalam Pilihan Raya Umum 1986 disebabkan faktor keyakinan pengundi terhadap BN yang berpengalaman

dalam meneruskan politik pembangunan di samping formula BN itu sendiri sebagai parti berbilang kaum yang sesuai dengan demografi pengundi di negara ini dan Negeri Sembilan yang multirasial. Hussain (1986) menjelaskan bahawa kemenangan BN/UMNO di kawasan majoriti Melayu dan DAP di kawasan majoriti etnik Cina dalam PRU 1986 di Negeri Sembilan menunjukkan bahawa faktor etnik terus menjadi faktor utama dalam menentukan kemenangan parti politik yang bertanding di sesuatu kawasan berdasarkan majoriti etnik tertentu. Zakry (1990) menyatakan dalam PRU 1986, dengan demografi Negeri Sembilan sebagai negeri campuran etnik iaitu 47 peratus etnik Melayu, 38 peratus Cina dan 11 peratus India maka BN terus berjaya menguasai Parlimen dan DUN di negeri tersebut dengan jayanya iaitu menang di 24 daripada 28 kerusi DUN dan 5 daripada 7 kerusi Parlimen.

Khoo (1994) menyatakan bahawa sistem politik Negeri Sembilan bergantung kepada dua unsur utama iaitu kawasan dan kekeluargaan yang berpegang kuat kepada adat perpatih. Ab. Rahim (1995) menghujahkan bahawa kemenangan BN dalam PRU 1995 pada peringkat nasional dan Negeri Sembilan disebabkan gandingan mantap antara Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang memajukan ekonomi dan mengharmonikan perpaduan kaum negara sehingga 1995. Yusop Khan (2000) menjelaskan bahawa pada PRU 1999, Negeri Sembilan terus menjadi kubu kuat BN di kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia yang sukar digugat parti politik lain apabila berjaya menawan bersih kesemua tujuh kerusi Parlimen dan 32 DUN di negeri tersebut. Strategic Info Research Development (2000) dalam analisis PRU 1999 menjelaskan bahawa meskipun pengundi Melayu tidak menyokong BN dalam PRU tersebut namun BN masih mampu menyapu bersih semua 32 kerusi DUN dan 8 kerusi Parlimen disebabkan sokongan padu pengundi bukan Melayu terutamanya Cina untuk memastikan kestabilan politik dan ekonomi di bawah BN di negara ini. Wong (2001) mendapati isu pembangunan dan perkhidmatan yang diberikan oleh sesebuah parti dan calon pilihan raya merupakan penentu utama seseorang pengundi untuk menyokong parti yang bertanding. Mohd Sayuti (2004) menjelaskan bahawa kemenangan besar BN dalam PRU 2004 pada peringkat nasional dan juga di Negeri Sembilan disebabkan harapan, keyakinan dan mandat besar rakyat terhadap Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk memajukan ekonomi, sosial dan politik di negara ini dengan aman dan tenang.

Hussain (2007) menjelaskan bahawa meskipun Negeri Sembilan tidak melahirkan tokoh besar politik pada peringkat nasional namun negeri ini juga mengalami perkembangan dan pergolakan politik dalamannya yang tersendiri yang turut menjadi perbualan pengkaji politik nasional. Nazli (2008) menjelaskan bahawa isu kaum dalam perjuangan parti politik dalam PRU 2008 masih menjadi faktor utama pengundi Melayu luar bandar di seluruh negara termasuk di Negeri Sembilan untuk terus mengundi calon BN terutamanya UMNO di kawasan luar bandar. SariMysara & Alif Iman (2008) menjelaskan meskipun Pakatan Rakyat gagal menawan Negeri Sembilan namun pakatan politik tersebut berjaya melonjakkan undi terutamanya daripada kaum Cina dan India di kawasan majoriti etnik tersebut. Rusnah (2000) dan Mohd Fuad & Rusnah (2007) menyatakan bahawa pengelompokan kaum Melayu di kawasan perumahan di Ampangan, Negeri Sembilan berjaya meningkatkan sokongan kepada parti politik Melayu. Junaidi et al. (2010) dan Mohd Fuad et al. (2011) dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Bagan Pinang, Negeri Sembilan mendapati bahawa konsep "1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" disokong, dihayati dan dimanifestasi oleh belia.

Majoriti responden menyokong polisi dan kepemimpinan Perdana Menteri dan Timbalannya dalam menerajui pembangunan negara.

Junaidi et al. (2012) dalam kajian politik belia di kawasan DUN Bagan Pinang, Negeri Sembilan menghuraikan bahawa dari segi penilaian politik belia, 53.4 peratus (peringkat DUN) dan 66.4 peratus (peringkat Parlimen) menyatakan sokongan kepada BN. Mohd Hasbie (2013) menjelaskan bahawa kekalahan PKR di DUN Ampangan, Negeri Sembilan pada PRU 2013 disebabkan oleh faktor calon yang tidak diterima pengundi. Junaidi (2017) menjelaskan bahawa isu yang sering dibangkitkan oleh responden adalah 93.0 peratus daripadanya menyatakan isu pemulihan ekonomi/harga barang/minyak sering dibualkan di kawasan mereka. Seterusnya 42.3 peratus menyatakan kredibiliti calon penting dalam penentuan pengundian dalam pilihan raya.

Ariff Aizuddin & Mohammad Khairuddin (2018) menghujahkan bahawa fenomena 'ayunan bandar' menjadi satu pemangkin terhadap proses pertukaran kepimpinan yang berlaku di Negeri Sembilan. Junaidi et al. (2018) menghuraikan bahawa keputusan PRU 2018 Malaysia menunjukkan bahawa di wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia, PH berjaya menguasai Kerajaan Negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka dengan majoriti kerusi DUN. Wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia dikuasai PH kerana majoriti pengundi etnik Cina dan India mengundi calon PH manakala undi etnik Melayu terbahagi kepada tiga parti iaitu BN, PH dan PAS. Junaidi (2018) menjelaskan bahawa apa yang menariknya keputusan dan pola pengundian PRU 2018 kali ini ialah kemenangan parti yang bertanding dibentuk daripada faktor geografi yang terpisah antara satu sama lain termasuk di Negeri Sembilan. Sara (2018) menjelaskan bahawa platform media sosial terutama Facebook semakin hari semakin menjadi tumpuan sebagai 'pusat maklumat' rakyat Malaysia terutama pada kempen Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14). Contoh paling jelas ialah insiden calon pakatan pembangkang tidak dapat menjadi calon di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Rantau, Negeri Sembilan kerana gagal menunjukkan pas pengenalan diri dikeluarkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk masuk ke dewan penamaan calon.

Junaidi, Mohd Fuad & Mazlan (2019) menjelaskan bahawa pola undi dalam PRK Parlimen Port Dickson, Negeri Sembilan mengikut etnik iaitu etnik Cina dan India masih memihak kepada PH manakala etnik Melayu majoritinya menyokong BN dan PAS. Pola mengikut lokasi geografi pula memperlihatkan kawasan bandar didominasi PH manakala kawasan luar bandar kekal status quo dikuasai BN. Junaidi (2019a) menjelaskan bahawa politik adalah satu disiplin ilmu yang menarik tetapi sukar untuk dikaji kerana tingkah laku politik pengundi adalah dinamik atau tidak statik, bahkan boleh berubah dengan mengejut. Perubahan politik di Malaysia termasuk di Negeri Sembilan merupakan dinamika politik yang berlaku dan tiada yang mustahil.

Junaidi (2019b) menyatakan bahawa geopolitik kaum pada PRU 2018 di Malaysia termasuk di Negeri Sembilan menunjukkan sokongan terhadap BN/UMNO bergantung kepada undi yang disumbangkan oleh kaum Melayu manakala kekuatan undi Pakatan Harapan bergantung kepada undi kaum Cina. Junaidi (2019c) menjelaskan bahawa faktor sokongan dalam PRK pasca PRU 2018 termasuk di Parlimen Port Dickson, Negeri Sembilan adalah kerana isu

semasa, pengaruh media sosial, identifikasi parti, ketokohan pemimpin dan calon, manifesto atau janji pembangunan dan sentimen Melayu serta Islam. Pola undi dalam PRK mengikut etnik iaitu etnik Cina dan India masih memihak kepada PH manakala etnik Melayu majoritinya menyokong BN dan PAS.

BERSIH (2019) dalam ‘Laporan Pemerhatian Pilihan Raya Kecil N27 Rantau 23 April 2019’ menjelaskan bahawa secara keseluruhannya, PRK Rantau dijalankan dengan lancar dan teratur oleh SPR. Walaupun demikian, ketidakpatuhan undang-undang pilihan raya oleh parti politik masih berleluasa, terutamanya penjamuan dalam kempen pilihan raya dan berkempen pada hari mengundi. Untuk mengatasi masalah tersebut, penyelarasan antara pasukan penguatkuasa kempen pilihan raya (PPKPR) dan pihak polis harus dijelaskan supaya penguatkuasaan undang-undang pilihan raya dijalankan dengan berkesan. Mokhtar (2019) menjelaskan bahawa perubahan yang berlaku di Negeri Sembilan yang membawa kepada penguasaan PH di DUN Negeri Sembilan telah memberi satu gambaran tentang dinamikanya pola tingkah laku pengundian. Namun begitu, beberapa kawasan di Negeri Sembilan masih lagi memberi sokongan kuat kepada BN terutamanya di beberapa DUN yang majoritinya pengundi kaum Melayu.

Ahmad Kamal Ariffin, Nor Ain dan Nur Hannah (2019) menjelaskan bahawa faktor kekalahan BN pada PRU-14 di Negeri Sembilan adalah disebabkan isu nasional yang turut mempengaruhi keputusan pilihan raya di negeri lain. Mohammad Khairuddin dan Zulkanain (2019) menyatakan bahawa prestasi DAP di Negeri Sembilan lebih baik dengan berjaya meningkatkan lagi majoriti undi di kawasan yang mereka menangi dalam PRU-14 disebabkan pertambahan sokongan pengundi yang inginkan perubahan besar dalam politik di negeri tersebut.

Junaidi, Mokhtar & Mokhtar (2021) menjelaskan bahawa perubahan politik yang berlaku di Negeri Sembilan telah memberi satu gambaran tentang dinamisnya pola tingkah laku politik dalam pengundian. Namun begitu, beberapa kawasan di Negeri Sembilan masih lagi memberi sokongan kuat kepada BN terutamanya di beberapa DUN yang majoritinya pengundi kaum Melayu. Isu nasional terutama 1MDB dan cukai GST adalah sebahagian daripada modal berkempen yang kuat dan kerap digunakan oleh PH dalam kempen mereka di samping isu pemilikan tanah. Bagi pasca PRU-14, dua Pilihan Raya Kecil (PRK) yang berlaku di negeri ini memberi gambaran yang berbeza mengenai sokongan rakyat terhadap kepimpinan semasa. Oleh itu implikasi penulisan artikel ini menunjukkan bahawa politik nasional dan politik Negeri Sembilan bersifat dinamik dan berseni berdasarkan kepada isu dan kredibiliti kepimpinan.

Mohd Azmir (2023) menyatakan bahawa secara umumnya, 36 kerusi DUN Negeri Sembilan ini, 22 daripadanya adalah kawasan majoriti lebih 60 peratus pengundi Melayu, manakala 10 kawasan adalah majoriti pengundi Cina dan dua kawasan pula bercampur majoriti antara kedua-dua kaum itu serta dua kawasan lagi minoriti Melayu. Dengan demografi unik ini, keputusan parti meletakkan calon perlu menggambarkan demografi pengundi. Keputusan PH-BN negeri dengan menamakan sejumlah 17 calon UMNO dan 19 pula daripada PH, juga menggambarkan tinggi semangat toleransi politik. Ini kerana PH sanggup mengorbankan kelebihan seorang calon berbeza dengan jumlah calon dipertandingkan pada PRU14. Pastinya,



wujud perjanjian antara PH-BN dan komponen dalam usaha memenangi PRN ini nanti. PN pula akan cuba merealisasikan gelombang terbentuk sebelum ini tetapi Negeri Sembilan ialah padang yang agak sukar. Ini kerana PAS sebelum ini meletakkan 27 calon, tanpa seorangpun menang dan bertoleransi dengan BERSATU serta mengurangkan jumlah calon hingga hanya 13 sahaja. Ini juga satu lagi bentuk toleransi politik harus diberi kredit kepada parti bertanding. Sekurang-kurangnya, ia memberi maklumat bahawa zaman parti majoriti sudah berakhir, manakala zaman kerjasama parti mendominasi politik Malaysia.

Adriana (2023) menyatakan bahawa Kerajaan Perpaduan meneruskan penguasaan di Negeri Sembilan selepas gabungan Pakatan Harapan-Barisan Nasional (PH-BN) menguasai sebahagian besar kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada Pilihan Raya Negeri (PRN) kali ini. Hal ini kerana daripada kesemua 36 kerusi yang dipertandingkan, kerjasama parti itu secara menang dengan majoriti mudah memenangi 31 kerusi yang dipertandingkan di DUN tersebut sekali gus meneruskan penguasaan mereka dalam kerajaan negeri.

Ong (2024) menyatakan bahawa beberapa peti undi di Negeri Sembilan mendapati sokongan pengundi Melayu kepada DAP ada yang mencecah hampir 50%. Ini adalah kesan pemindahan undi (vote transfer) UMNO kepada DAP terutamanya dalam kalangan penyokong-penyokong tegar UMNO yang telah berumur. Mereka ini adalah penyokong setia UMNO yang mengikut arahan parti supaya mengundi mana-mana parti dalam kerajaan perpaduan termasuk DAP.

### Pilihan Raya

Pilihan raya adalah proses pemilihan wakil oleh penduduk atau kawasan setempat, yang kini kebanyakannya dilaksanakan melalui sistem demokrasi tidak langsung. Dalam sistem ini, penduduk memilih wakil melalui undian dan wakil ini akan membuat keputusan bagi pihak mereka. Terdapat pelbagai sistem pilihan raya, termasuk First Past the Post (FPTP), Run-Off Voting (ROV), dan Single Transferable Vote (STV).

**Jadual 1: Sistem Pilihan Raya Dunia**

Sistem Pilihan Raya	Negara
First Past the Post (FPTP)	Kanada, Malaysia, UK, USA
Run-Off Voting (ROV)	Perancis
Single Transferable Vote (STV)	Australia, Ireland, Malta, USA
Single Non-transferable Vote (SNTV)	Jepun
Single Transferable Proportional Vote (STPV)	Nauru
Alternative Vote (AV)	Australia, Fiji
Party List systems (PL)	Israel
Additional Member System (AMS)	Jerman, Norway
Mixed Member System (MMS)	New Zealand, Russia

Sumber: Rosmadi 2008

Di Malaysia, sistem pilihan raya adalah First-Past-The-Post (FPTP) di mana calon dengan undi terbanyak, walaupun dengan kelebihan satu undi akan dianggap memenangi pilihan raya. Parti politik yang memenangi majoriti kerusi di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) akan

dapat membentuk kerajaan. Sistem ini turut diamalkan di negara-negara seperti Amerika Syarikat, Britain, Kanada dan Singapura (Lihat Jadual 1).

### **Geografi Politik**

Menurut Junaidi (2020), geografi politik merujuk kepada kajian mengenai hubungan antara unsur-unsur geografi dengan fenomena politik. Dalam bahasa yang mudah, geografi politik membincangkan bagaimana faktor-faktor seperti lokasi geografi, sempadan wilayah, sumber daya alam, dan corak pemukiman manusia mempengaruhi proses politik serta pentadbiran sesuatu kawasan. Contohnya, geografi politik dapat menerangkan bagaimana letak geografi suatu negara mempengaruhi hubungan antarabangsa dengan negara jiran atau bagaimana keadaan geografi yang unik seperti alam sekitar gunung atau lembah mempengaruhi pengagihan kuasa politik di sesuatu kawasan. Dalam konteks Malaysia, geografi politik boleh merangkumi kajian tentang bagaimana faktor geografi seperti landskap geografi Semenanjung Malaysia, Sabah, dan Sarawak mempengaruhi struktur politik negara serta hubungan antara pentadbiran pusat dengan pentadbiran tempatan di peringkat negeri dan daerah. Ini termasuk juga kajian mengenai pengaruh geografi terhadap pembangunan ekonomi, pengagihan sumber daya serta identiti budaya dan politik setiap kawasan.

### **Metodologi dan Kawasan Kajian**

#### ***Tata Cara Pengumpulan Data***

Bahagian ini menjelaskan secara terperinci bagaimana kajian ini dilaksanakan, merangkumi aspek seperti kaedah pengumpulan data, sumber data yang digunakan, populasi dan persampelan, instrumen kajian, serta teknik analisis data. Metodologi kajian merujuk kepada kaedah yang paling sesuai digunakan untuk menjalankan penyelidikan dan menetapkan tatacara yang efektif bagi menjawab persoalan kajian. Mengikut definisi Homby (1985), metod merujuk kepada kaedah yang digunakan untuk menyelidik satu subjek kajian tertentu.

Penulis telah dengan teliti merancang metodologi kajian dan strategi yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data melalui kaedah tertentu. Definisi data primer mengikut Rohana (2004) merujuk kepada data yang berasal dari sumber asli atau pertama. Sabitha (2005) pula menggambarkan data primer sebagai data asal yang dikumpul secara khusus untuk menjawab persoalan kajian. Dengan ringkasnya, data primer boleh difahami sebagai data yang diperoleh atau dikumpul daripada sumber asal seperti alam semula jadi, persekitaran, masyarakat, atau individu tertentu. Manakala bagi data sekunder, Sabitha (2005) mendefinisikannya sebagai data yang telah dikumpulkan oleh penyelidik lain. Secara umumnya, data sekunder merujuk kepada maklumat yang telah diproses daripada sumber asal (data primer) dan telah diterbitkan atau didedahkan kepada umum, seperti dalam arkib, dokumen awam, buku, jurnal dan sebagainya.

Dalam kajian penyelidikan ini, terdapat beberapa kaedah pengumpulan data digunakan untuk mendapatkan hasil yang komprehensif. Ini termasuk soal selidik kepada responden di lapangan dan rujukan kepada data statistik kaum serta scoresheet keputusan PRU-14 kawasan kajian. Dengan menggabungkan kelebihan kedua-dua kaedah kuantitatif dan kualitatif, metodologi ini diharapkan dapat memberikan pemahaman yang mendalam dan holistik terhadap permasalahan kajian. Hasil kajian ini akan membentuk rumusan dan cadangan yang relevan untuk penambahbaikan serta perkembangan dalam bidang kajian yang dijalankan.

### **Kawasan Kajian**

Kajian ini mengkhususkan Negeri Sembilan sebagai kawasan kajian dengan mengambil lapan DUN terpilih dari 36 DUN sedia ada dan mewakili setiap satu Parlimen dari keseluruhan lapan Parlimen yang ada di Negeri Sembilan. DUN yang dipilih adalah N03 Sungai Lui bagi mewakili kajian di Parlimen P126 Jelevu, N05 Seriting bagi mewakili kajian di Parlimen P127 Jempol, N13 Sikamat bagi mewakili kajian di Parlimen P128 Seremban, N19 Johol bagi mewakili kajian di Parlimen P129 Kuala Pilah, N20 Labu bagi mewakili kajian di Parlimen P130 Rasah, N26 Chembong bagi mewakili kajian di Parlimen P131 Rembau, N32 Linggi bagi mewakili kajian di Parlimen Port Dickson dan N35 Gemencheh bagi mewakili kajian di Parlimen Tampin. Pola pengundian yang berlaku di Negeri Sembilan sangat dinamik berdasarkan keputusan PRU-14. Perubahan sokongan yang berlaku terutamanya dalam kalangan etnik Melayu menimbulkan pelbagai tanda tanya dan persoalan. Keadaan ini juga tidak dikaji lagi dengan teliti dan dianalisis dengan sistematik samada secara kuantitatif ataupun kualitatif. Justeru itu, kajian ini ingin mengkaji dan menganalisis situasi dan landskap politik di Negeri Sembilan dan seterusnya menjawab persoalan yang telah dinyatakan. Kajian ini juga sangat penting kepada perkembangan ilmu, selain menambahkan data kajian pilihan raya terutama memberikan satu dimensi baru tentang pemahaman situasi politik di Negeri Sembilan pasca PRU-14. Kajian ini juga sebagai rujukan kepada pengkaji lain untuk memahami landskap politik di Negeri Sembilan dan politik wilayah selatan Malaysia. Bahkan dengan kajian ini ianya boleh dijadikan sebagai garis panduan pihak berkaitan dan berkepentingan merencanakan strategi, mobilisasi, pelaksanaan dasar dan gerak kerja parti dan sebagainya.





**Rajah1: Peta kawasan DUN Kajian di Negeri Sembilan**

Sumber: Diubahsuai daripada SPR, 2023

## **Peranan Media dan Masyarakat dalam Mempengaruhi Pengundi Negeri Sembilan**

### ***Pengaruh Media Elektronik Dalam Faktor Pengundian Golongan Muda Melayu Di Kawasan Luar Bandar Negeri Sembilan***

Media elektronik memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi dan keputusan golongan muda Melayu di pedalaman Negeri Sembilan. Penggunaan media elektronik ini mencatatkan 65.1 peratus sumber yang paling dipercayai berbanding media cetak, alternatif dan lain-lain. Dalam era digital moden ini, akses kepada pelbagai platform media seperti televisyen, radio, surat khabar dan media sosial mempengaruhi cara golongan muda menilai calon politik dan parti politik. Pun begitu, media elektronik adalah senjata ampuh golongan dewasa terpengaruh dengan agenda-agenda politik. Meneliti dapatan kajian, 89.8 peratus responden menonton TV3 sebagai input atau medium untuk memperoleh maklumat berkaitan politik. Hasilnya, golongan muda akan cenderung mendengar huraian dan perbualan ibu bapa atau keluarga mereka tentang politik.

Kajian yang dilakukan oleh Nabila Ismail (2018) menggunakan kaedah *Geographic Information System* (GIS) telah mengkaji persepsi pengundi, terutamanya golongan muda, terhadap beberapa parti politik dan pemimpin politik negara. Kajian ini meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan mereka dalam pilihan raya umum. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor-faktor seperti kos sara hidup, perumahan, alam sekitar, pekerjaan, ekonomi, korupsi, agama dan lain-lain, memainkan peranan yang berbeza-beza bergantung kepada lokasi geografi. Selain itu, lokasi geografi yang berbeza juga memberikan pandangan yang berbeza tentang tahap keberkesanan para pemimpin parti politik negara.

Walau bagaimanapun, platform media seperti TikTok dilihat signifikan terhadap pengaruh undi anak-anak muda khususnya di Negeri Sembilan. Noordin (2023) menjelaskan bahawa PAS berjaya melencongkan undi anak muda melalui pelbagai platform media. Kejayaan ini disebabkan oleh beberapa faktor utama. Pertama, pengundi muda menghargai keinginan PAS untuk memimpin dengan kejujuran dan integriti, serta komitmen mereka dalam memerangi rasuah dan penyelewengan. Kedua, keberkesanan *tagline* BEST (Bersih dan Stabil) dan Prihatin yang digunakan oleh PAS dalam kempen mereka turut menarik perhatian golongan muda. Ketiga, naratif sentimen Melayu-Islam yang dipromosikan oleh PAS telah mempengaruhi sokongan golongan tersebut. Keempat, penggunaan platform media sosial seperti TikTok dalam kempen PAS yang diiktiraf berkesan, serta penglibatan influencer yang menyokong PAS, turut memberi kesan yang positif terhadap pengundi muda. Akhir sekali, jentera kempen yang agresif, termasuk usaha PAS/PN dalam mengesan pengundi luar terutamanya golongan muda dan mahasiswa, turut berjaya dalam memastikan sokongan daripada golongan tersebut.

### ***Partisipasi Pengundi dalam Politik di Negeri Sembilan***

Partisipasi pengundi dalam arena politik Negeri Sembilan menarik perhatian yang penting dalam landskap politik tempatan. Partisipasi ini meliputi pelbagai aktiviti, seperti mengundi dalam pilihan raya, mengikuti program-program politik, serta menyumbang kepada perbincangan awam mengenai isu-isu politik dan sosial. Dalam konteks pengundi di Negeri Sembilan, partisipasi mereka dalam politik sering kali tercermin melalui keaktifan mereka dalam proses pilihan raya. Pengundi di Negeri Sembilan menunjukkan komitmen yang kukuh terhadap tanggungjawab mereka untuk menggunakan hak mengundi mereka dalam membentuk kerajaan tempatan. Melalui kaji selidik, 97.9 peratus responden berpartisipasi melalui undian semasa pilihan raya. Penglibatan ini mungkin disebabkan oleh kesedaran akan pentingnya peranan politik dalam menentukan arah pembangunan dan kesejahteraan komuniti tempatan.

Selain itu, pengundi di Negeri Sembilan juga turut aktif dalam membincangkan isu-isu politik dan sosial semasa. Mereka menghadiri ceramah-ceramah politik untuk ketahui isu-isu dan tawaran rentas parti. Pun begitu, perbincangan di rumah antara keluarga menyaksikan partisipasi pengundi menitikberatkan soal politik. Ini menunjukkan kesedaran mereka terhadap isu-isu penting yang mempengaruhi kehidupan mereka serta keinginan untuk turut serta dalam membentuk pandangan dan dasar-dasar politik. Dengan demikian, partisipasi pengundi di Negeri Sembilan merupakan faktor penting yang memberi impak kepada proses demokrasi tempatan. Melalui keterlibatan aktif mereka, pengundi di Negeri Sembilan memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk landskap politik negeri ini serta menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan komuniti mereka secara keseluruhan.

## **Tingkah Laku Pengundian dan Politik Pilihan Raya di Negeri Sembilan**

### ***Pengaruh Isu Nasioanl dalam Menentukan Tingkah Laku Pengundian di Negeri Sembilan***

Isu-isu nasional memainkan peranan penting dalam menentukan tingkah laku pengundian di Negeri Sembilan. Penduduk sering memilih berdasarkan kepada bagaimana calon dan parti politik dianggap akan menangani masalah-masalah yang mereka hadapi. Kajian-kajian menunjukkan bahawa kos sara hidup dan peningkatan harga barang adalah antara faktor yang memberi kesan besar terhadap tingkah laku pengundian di Negeri Sembilan. Bagi penduduk tempatan, keberkesanan dalam menangani isu-isu tempatan adalah kedua terpenting di negeri ini.

Wong (2001) mendapati isu pembangunan dan perkhidmatan yang diberikan oleh sesebuah parti dan calon pilihan raya merupakan penentu utama seseorang pengundi untuk menyokong parti yang bertanding. Sejarah kemenangan besar BN dalam PRU 2004 pada peringkat nasional dan juga di Negeri Sembilan disebabkan harapan, keyakinan dan mandat besar rakyat terhadap Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk memajukan ekonomi, sosial dan politik di negara ini dengan aman dan tenang. Melalui harapan dan keyakinan ini, ia berkait rapat dengan isu-isu tempatan yang dikhuatiri gagal diselesaikan oleh parti lawan.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, didapati bahawa sebanyak 71.9 peratus responden menganggap isu-isu pemulihan ekonomi seperti kos sara hidup dan kenaikan harga barang sebagai topik utama dalam perbincangan mereka. Ini menunjukkan bahawa pengundi di Negeri Sembilan memberi penekanan yang besar terhadap aspek ekonomi dalam proses membuat keputusan undian mereka. Kaitannya dengan pengundi di Negeri Sembilan, fokus utama mereka terhadap isu ekonomi mungkin disebabkan oleh impak langsung yang dirasakan oleh komuniti setempat. Penduduk Negeri Sembilan, seperti kebanyakan rakyat Malaysia, menghadapi cabaran ekonomi yang melibatkan peningkatan kos sara hidup dan harga barang. Oleh itu, isu-isu ekonomi menjadi keutamaan dalam perbincangan mereka dan mempengaruhi pandangan serta keputusan undian mereka.

Bagi pengundi di Negeri Sembilan, penyelesaian terhadap masalah ekonomi tempatan adalah penting untuk meningkatkan kualiti hidup dan kestabilan kewangan keluarga mereka. Mereka mungkin lebih cenderung untuk menyokong calon yang dianggap memiliki strategi atau janji-janji yang boleh mengatasi isu-isu ekonomi yang mereka hadapi. Oleh itu, faktor ini mungkin memainkan peranan penting dalam menentukan sokongan pengundi di Negeri Sembilan pada hari pengundian.

### ***Peranan Calon dalam Mempengaruhi Tingkah Laku Pengundian di Negeri Sembilan***

Pemimpin tempatan memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tingkah laku pengundian di Negeri Sembilan. Kedekatan pemimpin dengan penduduk setempat, pengetahuan mendalam mengenai isu-isu tempatan, serta keupayaan untuk berinteraksi secara langsung dengan masyarakat tempatan memberi impak yang besar terhadap pilihan pengundi. Pemimpin tempatan juga memainkan peranan sebagai perantara antara penduduk dan kerajaan. Keupayaan untuk menyampaikan aspirasi dan keperluan penduduk kepada pihak berkuasa serta menjembatani hubungan antara kerajaan dan masyarakat setempat turut memberi impak yang positif terhadap sokongan pengundi. Hussain (2007) menjelaskan bahawa meskipun Negeri Sembilan tidak melahirkan tokoh besar politik pada peringkat nasional namun negeri ini juga mengalami perkembangan dan pergolakan politik dalamannya yang tersendiri yang turut menjadi perbualan pengkaji politik nasional.

Peranan calon dalam mempengaruhi tingkah laku pengundi di Negeri Sembilan amat penting dalam setiap pilihan raya. Calon adalah wakil daripada parti politik yang bersaing untuk mendapatkan sokongan daripada pengundi di Negeri Sembilan. Dalam menjalankan tugas mereka, calon memainkan beberapa peranan yang mempengaruhi secara langsung tingkah laku pengundi di kalangan penduduk negeri ini. Pertama sekali, calon berperanan sebagai perwakilan parti politik yang bertanding. Mereka membawa serta agenda dan dasar-dasar parti masing-masing untuk dipromosikan kepada pengundi di Negeri Sembilan. Dengan cara berucap di majlis-majlis, menyebarkan bahan kempen, dan berinteraksi secara langsung dengan penduduk tempatan, calon membantu mengkomunikasikan visi dan misi parti politik mereka kepada pengundi. Ini mempengaruhi cara pengundi memahami dan menilai parti politik serta calon yang dipilih. Kedua, calon berperanan sebagai wakil komuniti di Negeri Sembilan. Mereka berusaha untuk memahami keperluan, masalah, dan aspirasi penduduk setempat. Dengan berinteraksi secara langsung dengan penduduk di kawasan pilihan raya, calon dapat mengenal pasti isu-isu tempatan yang penting bagi pengundi. Ini membolehkan mereka menyusun dasar-dasar yang relevan dan memberi tumpuan kepada penyelesaian masalah yang dihadapi oleh penduduk Negeri Sembilan.

Selain itu, calon juga memainkan peranan sebagai pemimpin dan model peranan dalam masyarakat. Mereka menunjukkan sikap integriti, kejujuran, dan kesungguhan dalam berkhidmat kepada rakyat. Tindakan dan tutur kata calon dapat memberi impak besar terhadap citra dan reputasi parti politik mereka di Negeri Sembilan. Sikap dan tingkah laku calon yang bersifat inklusif, berwibawa, dan bertanggungjawab dapat memenangi sokongan pengundi. Terakhir, calon berperanan sebagai pembuat keputusan yang membimbing pengundi untuk membuat pilihan yang bijak dan berinformasi. Melalui debat, ceramah, dan kempen-kempen penerangan, calon memberi penjelasan mengenai dasar-dasar parti politik mereka, menjelaskan isu-isu yang berbangkit, dan merangka argumen yang meyakinkan bagi mempengaruhi pendapat pengundi. Dengan menyediakan maklumat yang tepat dan jelas, calon membantu pengundi membuat keputusan yang lebih baik di peti undi.

Melalui kutipan data, 90.9 peratus responden cenderung memilih calon yang mampu menunaikan janji manifesto semasa kempen sedang dijalankan. Melalui data yang dikutip, didapati bahawa sebanyak 90.9 peratus responden cenderung untuk memilih calon yang mampu memenuhi janji-janji manifesto semasa kempen berlangsung. Ini menunjukkan bahawa pengundi di Negeri Sembilan memberikan penekanan yang besar kepada kesanggupan calon untuk memenuhi janji-janji yang mereka buat semasa berkempen. Kaitannya dengan pengundi di Negeri Sembilan, kecenderungan ini mungkin disebabkan oleh keperihatinan mereka terhadap perkembangan dan kemajuan negeri. Penduduk Negeri Sembilan mengharapkan agar calon yang mereka undi akan memenuhi janji-janji yang dibuat semasa kempen untuk membawa perubahan yang positif kepada komuniti tempatan. Mereka menganggap pemenuhan manifesto sebagai petunjuk kesungguhan dan tanggungjawab calon terhadap amanah yang diberikan oleh pengundi.

Bagi pengundi di Negeri Sembilan, janji manifesto bukan sekadar janji kosong tetapi merupakan komitmen yang perlu dipatuhi oleh calon terpilih. Mereka melihat kebolehan calon untuk menunaikan janji-janji tersebut sebagai aspek penting dalam menilai kebolehan dan kesesuaian calon sebagai wakil mereka di peringkat tempatan. Oleh itu, faktor ini dapat mempengaruhi keputusan pengundi di Negeri Sembilan ketika memilih calon pada hari pengundian.

## Perbincangan

Dalam mengkaji peranan media dan masyarakat dalam mempengaruhi pengundi di Negeri Sembilan, kita perlu memahami impak media elektronik terhadap golongan muda Melayu di luar bandar. Menurut kajian, media elektronik seperti televisyen, radio, dan media sosial memiliki pengaruh besar terhadap persepsi dan keputusan golongan muda. Contohnya, penggunaan TV3 sebagai sumber maklumat politik yang dipercayai oleh 89.8 peratus responden menunjukkan kepentingan media tradisional dalam mempengaruhi pemikiran mereka. Selain itu, platform media sosial seperti TikTok semakin memainkan peranan dalam menyebarkan mesej politik, terutamanya oleh PAS yang berjaya menarik sokongan golongan muda melalui kempen yang kreatif dan sentimen Melayu-Islam.

Kajian yang menggunakan *Geographic Information System* (GIS) oleh Nabila Ismail juga menunjukkan bahawa faktor-faktor ekonomi, sosial, dan agama mempengaruhi keputusan pengundi di Negeri Sembilan. Isu-isu seperti kos sara hidup dan kenaikan harga barang menjadi perbualan utama dalam masyarakat, memberi impak besar terhadap tingkah laku pengundian mereka. Ini menunjukkan bahawa pengundi di Negeri Sembilan cenderung untuk memilih calon yang mampu menangani isu-isu ekonomi yang mereka hadapi.

Selain media, peranan calon juga penting dalam mempengaruhi pengundi di Negeri Sembilan. Calon berfungsi sebagai perwakilan parti politik dan juga wakil komuniti tempatan. Kebolehan calon untuk memahami dan menyelesaikan masalah tempatan, serta integriti dan komitmen mereka, memberi impak besar terhadap sokongan pengundi. Bukti kajian menunjukkan bahawa pengundi di Negeri Sembilan cenderung untuk memilih calon yang mampu menunaikan janji-janji manifesto mereka semasa berkempen, menunjukkan kepentingan mereka terhadap perkembangan dan kemajuan negeri.

Secara keseluruhan, peranan media elektronik, kajian geografi politik, dan peranan calon memainkan peranan yang signifikan dalam mempengaruhi tingkah laku pengundian di Negeri Sembilan. Pengundi di negeri ini memberi penekanan kepada isu-isu tempatan dan mengharapkan calon yang dipilih untuk memenuhi janji-janji mereka. Ini menunjukkan bahawa dalam proses politik, interaksi antara media, masyarakat, dan calon memainkan peranan penting dalam membentuk pandangan dan keputusan pengundi.

## Kesimpulan

PRU-14 telah meninggalkan kesan yang signifikan dalam arena politik Malaysia, termasuk di Negeri Sembilan. Kawasan DUN yang majoriti penduduknya adalah Melayu memainkan peranan penting dalam menentukan perjalanan politik pasca-PRU-14. Dalam esei ini, kita akan meneliti pola pengundian di kawasan-kawasan DUN tersebut dan memberi cadangan untuk langkah seterusnya. Kajian mengenai perubahan pengundian adalah penting untuk menganalisis impak keputusan PRU-14 terhadap dinamik politik di Negeri Sembilan, khususnya di kawasan-kawasan DUN majoriti Melayu. Ini dapat membantu dalam memahami perubahan sokongan pengundi dan strategi parti politik dalam meraih sokongan di kawasan tersebut. Secara keseluruhan, kajian lanjut tentang pola pengundian di kawasan-kawasan DUN majoriti Melayu Negeri Sembilan pasca PRU-14 adalah penting bagi pemahaman yang lebih mendalam tentang dinamik politik tempatan. Dengan pemahaman yang lebih baik tentang faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku pengundian, langkah-langkah strategik dapat diambil untuk memperbaiki proses demokrasi dan mewujudkan kesejahteraan yang lebih baik bagi penduduk Negeri Sembilan.



## Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Sekretariat Siswazah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor atas kebenaran dan sokongan terhadap penyelidikan yang menghasilkan artikel ini.

## Rujukan

- Ab. Rahim Tahir. (1995). *Analisis 1995: Perangkap BN Tahun 2000*. Ampang: Citakhidmat (M) Sdn. Bhd.
- Adriana Mroon Ambrose. (2023). Kerajaan Perpaduan kekal memerintah Negeri Sembilan. *Majoriti*. <https://majoriti.com.my/berita/2023/08/12/kerajaan-perpaduan-kekal-memerintah--negeri-sembilan>. ((18 April 2024).
- Ahmad Kamal Ariffin Mohd. Rus, Nor Ain Mat Nor & Nur Hannah Ahmad Zainy. (2019). Kerana Nila? Kekalahan Barisan Nasional di Negeri Sembilan. Dlm. Zulkanain Abdul Rahman, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali (Pnyt). *Pilihan Raya Umum ke-14: Isu dan Cabaran Malaysia Baharu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ariff Aizuddin Azlan & Mohammad Khairuddin Majidillah. (2018) Ayunan Bandar Dalam Pilihan Raya Umum Ke-14: Kajian Kes Negeri Sembilan. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(2)(December 2018), 251-272.
- BERSIH. (2019). Laporan Pemerhatian Pilihan Raya Kecil N27 Rantau 23 April 2019. Kuala Lumpur: Gabungan Pilihanraya Bersih dan Adil 2.0.
- Creswell & Clark. (2007). *Designing and Conducting Mixed Methods Research*. California: Sage Publications.
- Hornby. (1985). *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English*. New York: Oxford University Press.
- Hussain Mohamed. (1986). *Membangun Demokrasi: Pilihanraya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn. Bhd.
- Hussain Mohamed. (2007). Di antara yang cemerlang dan yang terbilang: Merenungi politik dan kepimpinan negeri. Dlm. Abdul Hair Awang, Mohd Ekhwan Toriman & Marsitah Mohd Radzi. *Negeri Sembilan: Potensi dan Cabaran*. Puchong: Scholar Press (M) Sdn. Bhd.
- Hussain Mohamed. (2007). Di antara yang cemerlang dan yang terbilang: Merenungi politik dan kepimpinan negeri. Dlm. Abdul Hair Awang, Mohd Ekhwan Toriman & Marsitah Mohd Radzi. *Negeri Sembilan: Potensi dan Cabaran*. Puchong: Scholar Press (M) Sdn. Bhd.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mazlan Ali. (2019). Pilihan Raya Kecil (PRK) Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 di Malaysia: Pola dan Impak. *3rd USM-International Conference on Social Sciences (ICOSS) 2019*. Bayview Beach Resort, Batu Feringgi, Penang, Malaysia. 21-23 Ogos 2019.
- Junaidi Awang Besar, Mokhtar Jaafar & Mokhtar Ahmad. (2021). Politik pilihan raya dalam PRU-14 dan pasca PRU-14 di Negeri Sembilan. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*. 17(2): 206-220.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek & Noor Aziah Hj. Mohd Awal. (2010). Politik Belia di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bagan Pinang, Negeri Sembilan. *Persidangan Kebangsaan Ke-3 Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran (PPSPP)*. Hotel Equatorial, Bangi-Putrajaya. 20-21 Julai.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Rosmadi Fauzi, Mohd Syukri Zainuddin, Muhammad Hazim Abd Ghani & Mazlan Ali. (2018). Pola Pengundian Dalam Pilihan

- Raya Umum Ke-14, 2018 di Wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia. *Malaysia Brunei Forum 2018 (MBF 2018)*. Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. 7-8 November.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Abdul Halim Sidek, Jeniri Amir, Rosmadi Fauzi & Novel Lyndon. (2012). Persepsi Politik Pengundi Belia Melayu Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di Malaysia. *Jurnal Melayu*. 9(2012), 191-214.
- Junaidi Awang Besar. (2017). Politik pilihan raya menuju PRU-14: kajian kes di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. *3rd International Conference On Elections And Democracy*. Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak. 473-508.
- Junaidi Awang Besar. (2018). Analisis Faktor Geografi Terhadap Pola Pengundian Dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14, 2018 di Malaysia. *International Conference on Social Sciences And Humanities (ICOSH-7) 2018*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. 12-15 November.
- Junaidi Awang Besar. (2019a). Perubahan politik dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14, 2018 di Malaysia. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 220-232.
- Junaidi Awang Besar. (2019b). Pengaruh Geopolitik Kaum Dalam Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14, 2018 Di Malaysia. *International Conference On Social Sciences And Humanities 2019 (ICOSSH 2019)*. Parkcity Everly Hotel, Bintulu, Sarawak, Malaysia. 8-9 October.
- Junaidi Awang Besar. (2019c). Pilihan Raya Kecil (PRK) Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 di Malaysia: Faktor Sokongan, Pola dan Impak. *Post-GE14 By-Elections: Implications for GE15. Subchapter: Analyses of Post-GE14 By-Elections*. Experimental Hall, Level 3, Rectory, IIUM Gombak. 28 August/Wednesday.
- Junaidi Awang Besar. (2020). Analisis Geografi Politik dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjong Pia, Johor. *International Journal of Law, Government and Communication*. 5: 14-56.
- Khoo Kay Kim. (1994). Adat dan perkembangan politik: Pembangunan masyarakat Negeri Sembilan. Dlm. Samad Idris, Norhalim Ibrahim, Muhammad Tainu & Dharmala N.S. (Penyelenggara). *Negeri Sembilan: Gemuk Dipupuk, Segar Bersiram: Adat Merentas Zaman*. Seremban: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan Darul Khusus.
- Mohammad Khairuddin Majidillah & Zulkanain Abdul Rahman. (2019). Prestasi DAP di dalam Pilihan Raya Umum ke-14: Kajian Kes Negeri Sembilan. Dlm. Zulkanain Abdul Rahman, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali (Pnyt). *Pilihan Raya Umum ke-14: Isu dan Cabaran Malaysia Baharu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Azmir Mohd Nizah. (2023). Toleransi politik, amalan lama penentu hala tuju Negeri Sembilan. *BHarian Online*. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2023/08/1135220/toleransi-politik-amalan-lama-penentu-hala-tuju-negeri-sembilan>. (18 April 2024).
- Mohd Fuad Mat Jali & Rusnah Alias. (2007). Pembangunan perumahan: Strategi melestarikan geopolitik Melayu di kawasan DUN Ampangan, Negeri Sembilan. Dlm. Abdul Hair Awang, Mohd Ekhwan Toriman & Marsitah Mohd Radzi. *Negeri Sembilan: Potensi dan Cabaran*. Puchong: Scholar Press (M) Sdn. Bhd.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Abdul Halim Sidek & Noor Aziah Hj. Mohd Awal. (2011). Persepsi politik belia di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bagan Pinang, Negeri Sembilan. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space (Special Issue: Social and Spatial Challenges of Malaysian Development)*, 7, 105-115.

- Mohd Hasbie Muda. (2013). *Kemenangan yang Tertangguh: Analisis keputusan Pilihan Raya Umum ke-13 dan Unjuran Kemenangan Masa Hadapan*. Petaling Jaya: Megamind Leadership Consultancy.
- Mohd Sayuti Omar. (2004). *Pilihan Raya Umum Ke 11: Suatu Tragedi*. Kuala Lumpur: Tinta Merah.
- Mokhtar Ahmad. (2019). Pola Kecenderungan Politik Melayu Luar Bandar Di Negeri Sembilan. *Postgraduate Research Seminar 2019/Seminar Penyelidikan Siswazah (POGRES 2019)*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. 4 Disember.
- Nabila Ismail, Mohd Faisal, Muhammad Zulkarnain, Ami Hassan, Zouaouid Ismail & Ainull Najhwar. (2018). Voters' perception towards political party: A geospatial case study of young voters in Johor Bahru. *International Conference on Geomatics and Geospatial Technology*. 42. 325-337. <https://doi.org/10.5194/isprs-archives-XLII-4-W9-325-2018>
- Nazli Aziz. (2008). Pilihan Raya Umum Ke-12 dan perhubungan kaum di Malaysia: Suatu "bicara". Dlm. Worrnan Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline (Pnyt.). *Prosiding Seminar Politik Malaysia: Landskap Politik Malaysia Pasca Pilihan Raya Ke-12*. Universiti Teknologi MARA Sabah.
- Noordin Zakaria. (2023). PAS Lencongkan Undi Anak Muda. Dlm *Dewan Masyarakat*. Bil. 01, 34-35.
- Ong Kian Ming. (2024). *Scrutinizing the DAP's Success in the 2023 Malaysian State Elections*. Singapore: ISEAS Publishing.
- Rohana Yusof. (2004). *Penyelidikan Sains Sosial*. Bentong: PTS Publications & Distributors.
- Rusnah Alias. (2000). Pembangunan sector perumahan: Pengukuhan geopolitik Melayu di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) N21 Ampangan, Negeri Sembilan. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Malaysia: Prentice Hall/Pearson Malaysia.
- Sara, C. (2018). Pilihan raya dan impak media sosial. *Berita Harian* (Kolumnis), 2 Mei.
- SariMysara Othman & Alif Iman Hakim. (2008). *Strategi Kemenangan Anwar Ibrahim*. Kuala Lumpur: Focus Media Enterprise.
- SPR. (2018). *Laporan Pilihanraya Umum Malaysia 2018*. Kuala Lumpur. Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia.
- Strategic Info Research Development. (2000). *Dilema UMNO: Analisa Pilihanraya Umum 1999*. Petaling Jaya: SIRD.
- Wong Pooi Ling (2001) Perilaku pengundi Cina dalam pilihanraya 1999: satu kajian kes di DUN Rahang, Negeri Sembilan. Latihan Ilmiah, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wong Pooi Ling. (2001). Perilaku pengundi Cina dalam pilihanraya 1999: satu kajian kes di DUN Rahang, Negeri Sembilan. Latihan Ilmiah, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yusop Khan Loth Khan. (2000). *Nostalgia Pilihan Raya 1955-1999: Perjalanan Menuju Abad 21*. Pulau Pinang: Zainol Ahmad Resource Center.
- Zakry Abadi. (1986). *Suatu Analisa Pilihanraya Umum '86*. Kuala Lumpur: Syarikat Grafikset Abadi.
- Zakry Abadi. (1990). *Menjelang Pilihanraya Umum Ke-8: Mahathir 'Machiavelli' Malaysia?*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.